



# GARIS PANDUAN PELANTIKAN LEMBAGA PENGAJIAN, PENASIHAT LUAR, PENILAI LUAR DAN LEMBAGA PENASIHAT PROGRAM PENGAJIAN

(Pindaan 2024)



**Garis Panduan Pelantikan Lembaga Pengajian, Penasihat Luar, Penilai Luar dan  
Lembaga Penasihat Program Pengajian**  
(Pindaan Tahun 2024)

Versi pertama 2019

Versi kedua 2021 (Kelulusan Mesyuarat Senat ke-474, 30 Mac 2021)

Versi ketiga 2024 (Kelulusan Mesyuarat Senat UKM ke-511, 28 Ogos 2024)

Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi

Selangor

Telefon +603-89215308

E-mel pghpntp@ukm.edu.my

Laman sesawang [www.ukm.my/pengajaran](http://www.ukm.my/pengajaran)

<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1.0 PENGENALAN .....</b>	<b>4</b>
<b>2.0 LATAR BELAKANG .....</b>	<b>4</b>
<b>3.0 PELANTIKAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGAJIAN (BOARD OF STUDIES) .....</b>	<b>5</b>
<b>4.0 PELANTIKAN PENASIHAT LUAR (EXTERNAL ADVISOR).....</b>	<b>7</b>
<b>5.0 PELANTIKAN PENILAI LUAR (EXTERNAL ASSESSOR).....</b>	<b>9</b>
<b>6.0 PELANTIKAN LEMBAGA PENASIHAT FAKULTI/INSTITUT/PUSAT (FACULTY/INSTITUTE/CENTRE DVISORY BOARD) .....</b>	<b>12</b>
<b>7.0 PELAKSANAAN PROSES KERJA DI PERINGKAT FAKULTI/INSTITUT/PUSAT .....</b>	<b>14</b>
<b>8.0 TINDAKAN SUSULAN TERHADAP LAPORAN LEMBAGA PENGAJIAN/ PENASIHAT LUAR/PENILAI LUAR .....</b>	<b>14</b>
<b>9.0 BAYARAN HONORARIUM .....</b>	<b>15</b>
<b>10.0 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN .....</b>	<b>15</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>17</b>

## **1.0 PENGENALAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk menerangkan proses pelantikan Lembaga Pengajian, Penasihat Luar, Penilai Luar dan Lembaga Penasihat kepada Fakulti/Institut/Pusat bagi menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) sebagai sebahagian daripada proses penambahbaikan kualiti berterusan program pengajian.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

Garis Panduan ini berpandukan polisi dan dasar Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA). Ia perlu dibaca bersama dengan dokumen yang dikeluarkan oleh MQA seperti berikut:

2.1 Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA) telah menjelaskan penglibatan pihak luar sebagai penasihat luar/pemeriksa luar dalam proses penyemakan dan penilaian program bagi Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang menawarkan program peringkat ijazah sarjana muda dan ke atas (Tahap 6 dan ke atas, Malaysian Qualification Framework (MQF)). Perkara ini dinyatakan dalam Standard bagi Bidang 2: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum pada perkara 2.4.1 COPPA iaitu seperti berikut:

“Program, khususnya kandungan dan penyampaiannya, wajib kerap disemak dan dinilai semula dan segala hasil semakan ini digunakan untuk menjamin kualiti (Pada tahap 6 dan ke atas MQF, penyemakan ini perlu melibatkan penilai luar)”

2.2 Guideline to Good Practices: Monitoring, Reviewing and Continually Improving Institutional Quality (GGP: MR & CIIQ) juga mengatakan berkaitan penggunaan istilah Penilai/ Pemeriksa Luar (External Examiner).

2.3 Surat Makluman MQA Bil. 2/2015 – Panduan Penggunaan Istilah Pemeriksa Luar (External Examiner), Penasihat Luar (External Advisor) dan Lembaga Penasihat (Advisory Board) yang menjelaskan panduan asas kepada penggunaan ketiga-tiga fungsi lantikan ini.

2.4 MQA juga telah menggantikan penggunaan istilah Penilai/Pemeriksa Luar (External Examiner) kepada Penilai Luar (External Assessor). Ini bertujuan bagi mengelakkan kekeliruan berkaitan penggunaan istilah Pemeriksa Luar Program Pengajian dengan Pemeriksa Luar Tesis.

### **3.0 PELANTIKAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGAJIAN (BOARD OF STUDIES)**

#### **3.1 Peranan**

Lembaga Pengajian berfungsi memberi maklum balas berkaitan dengan hasil pembelajaran, struktur kurikulum dan perkara lain dalam mewajarkan penawaran program pengajian baharu. Hal ini selaras dengan keperluan COPPA MQA perkara 1.2.3 bidang 1 dan dibaca bersama-sama perkara 7.1.4 dalam bidang 7.

#### **3.2 Kriteria Lantikan**

3.2.1 Kriteria lantikan Ahli Lembaga Pengajian adalah seperti yang berikut:

- (i) wakil program yang mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam bidang pengajian;
- (ii) wakil akademik/penasihat luar akademik yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun dalam pengajaran dan pembelajaran;
- (iii) wakil alumni daripada program pengajian berkenaan dan telah menjadi alumni UKM dalam tempoh sekurang-kurangnya 10 tahun;
- (iv) wakil badan kerajaan dari kumpulan pengurusan dan profesional dari unit/bahagian yang bersesuaian dengan bidang program pengajian dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun; dan
- (v) wakil badan profesional (tertakluk keperluan program).

#### **3.3 Bidang Tugas**

Lembaga Pengajian bertanggungjawab:

- (i) memberi maklum balas dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program pengajian baharu; dan

- (ii) memberikan input bagi penyediaan laporan terhadap pembangunan program pengajian baharu kepada Pengerusi Lembaga Pengajian.

### **3.4 Proses Lantikan**

- 3.4.1 Pelantikan Jawatankuasa Lembaga Pengajian perlu dibuat oleh Dekan/Pengarah.
- 3.4.2 Tempoh lantikan Lembaga Pengajian adalah sekurang-kurangnya satu (1) tahun.
- 3.4.3 Lembaga Pengajian yang dilantik perlu menandatangani Akuan Kerahsiaan Lembaga Pengajian/Penasihat Luar/Penilai Luar/Lembaga Penasihat Program Pengajian seperti pada **Lampiran A**.
- 3.4.4 Carta alir proses pelantikan adalah seperti pada **Lampiran 1**.

### **3.5 Keahlian**

- 3.5.1 Keahlian Lembaga Pengajian terdiri daripada:

Pengerusi	:	Timbalan Dekan (Akademik)/Timbalan Pengarah	
Setiausaha	:	Pegawai Tadbir yang menguruskan program pengajian	
Ahli	:	Ketua Program/Penyelaras Program	
	:	- wakil program (sekurang-kurangnya dua (2) orang)	
		- wakil akademik/penasihat luar akademik	} Minimum seorang
		- wakil industri/penasihat luar industri	
		- wakil alumni	
		- wakil badan kerajaan	
		- wakil badan profesional (tertakluk keperluan program pengajian)	

- 3.5.2 Dalam tempoh lantikan, wakil akademik/industri dari Lembaga Pengajian boleh juga dilantik sebagai Penasihat Luar bagi program pengajian yang sama, namun tidak digalakkan.
- 3.5.3 Ahli Lembaga Pengajian tidak boleh dilantik sebagai Penilai Luar bagi program pengajian yang sama.

## **4.0 PELANTIKAN PENASIHAT LUAR (EXTERNAL ADVISOR)**

### **4.1 Peranan**

- 4.1.1 Memberikan cadangan penambahbaikan program pengajian secara keseluruhan seperti Objektif Pembelajaran Program (OPP), Hasil Pembelajaran Program (HPP), Hasil Pembelajaran Kursus (HPK), struktur program, kesesuaian bidang program, kesesuaian kakitangan akademik, kemudahan PdP dan lain-lain. Tahap penglibatan Penasihat Luar adalah pada peringkat program pengajian.
- 4.1.2 Memberikan cadangan dan pandangan di peringkat awal pembangunan program, semasa pelaksanaan program dan semasa semakan semula program pengajian. Maklum balas yang diperlukan merangkumi:
- (i) pembangunan dan penyampaian program pengajian;
  - (ii) penilaian pembelajaran pelajar;
  - (iii) pemilihan pelajar dan perkhidmatan sokongan;
  - (iv) kakitangan akademik;
  - (v) sumber pendidikan;
  - (vi) pengurusan program pengajian; dan
  - (vii) mekanisme pemantauan, semakan dan penambahbaikan program pengajian.
- 4.1.3 Memantau, menilai, serta mengkaji semula sesuatu program pengajian di UKM agar selari dan mencapai keperluan standard akademik yang ditetapkan oleh KPT, MQA dan badan akreditasi lain yang berkaitan dalam memastikan program relevan dengan keperluan industri dan amalan terbaik dari IPT lain yang bereputasi baik.

### **4.2 Kriteria Lantikan**

- 4.2.1 Penasihat Luar boleh dilantik dalam kalangan individu luar UKM (dalam dan luar negara) yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan/atau pengalaman dalam bidang yang dilantik dan masih berkhidmat sepanjang tempoh lantikan.
- 4.2.2 Penasihat Luar bagi setiap program pengajian terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang, iaitu seorang ahli akademik dan seorang ahli industri.

4.2.3 Kriteria ahli akademik adalah seperti yang berikut:

- (i) ahli akademik berjawatan Profesor/Profesor Madya dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam atau luar negara yang diiktiraf kedudukan 300 ke atas dalam penarafan *QS World Ranking University* (QS WUR);
- (ii) mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam bidang pengajian;
- (iii) mempunyai pengalaman dalam pentadbiran program pengajian seperti Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Program/Penyelaras Program;
- (iv) mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun dalam pengajaran dan pembelajaran;
- (v) mempunyai pengalaman dalam penilaian program pengajian dan jelas dengan standard dan kod amalan yang diamalkan di Malaysia;
- (vi) tidak mempunyai kepentingan secara langsung dengan program pengajian di UKM (no conflict of interest); dan
- (vii) bukan alumni UKM.

4.2.4 Kriteria ahli industri adalah seperti yang berikut:

- (i) berjawatan eksekutif dan profesional yang bersesuaian dengan bidang program pengajian; dan
- (ii) mempunyai pengalaman yang bersesuaian dengan bidang program pengajian, sekurang-kurangnya 10 tahun di industri.

### **4.3 Bidang Tugas**

Penasihat Luar bertanggungjawab:

- (i) memberikan input dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program pengajian untuk penambahbaikan sebelum persetujuan pada peringkat; dan

- (ii) menyediakan laporan penambahbaikan program pengajian kepada Dekan/Pengarah melalui Ketua Program sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh semakan program pengajian dengan menggunakan Borang Maklum Balas Penasihat Luar Program Pengajian seperti pada **Lampiran B**.

#### **4.4 Proses Lantikan**

- 4.4.1 Fakulti/Institut/Pusat perlu mencadangkan nama Penasihat Luar menggunakan Borang Cadangan Nama Penasihat/ Penilai Luar/Lembaga Penasihat (**Lampiran C**) dan Lampiran Biodata Ringkas Pencalonan Penasihat/ Penilai Luar/Lembaga Penasihat (**Lampiran D**) kepada Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM).
- 4.4.2 Cadangan nama Penasihat/Penilai Luar/Lembaga Penasihat yang diperaku oleh Pengajaran-UKM akan dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) untuk tujuan kelulusan.
- 4.4.3 Tempoh lantikan Penasihat Luar adalah tiga (3) tahun dan tertakluk kepada maksimum dua (2) penggal.
- 4.4.4 Penasihat Luar perlu membuat pengesahan penerimaan lantikan menggunakan Borang Penerimaan Lantikan Penasihat Luar/Penilai Luar/Lembaga Penasihat seperti di **Lampiran E**.
- 4.4.5 Penasihat Luar yang bersetuju menerima lantikan perlu menandatangani Akuan Kerahsiaan Lembaga Pengajian/Penasihat Luar/Penilai Luar/Lembaga Penasihat Program Pengajian seperti di **Lampiran A**.
- 4.4.6 Carta alir proses pelantikan adalah seperti di **Lampiran 2**.

#### **5.0 PELANTIKAN PENILAI LUAR (EXTERNAL ASSESSOR)**

Pelantikan Penilai Luar akan dibuat selepas program mendapat kelulusan penawaran selewat-lewatnya pada semester satu (1) sesi pengajian bagi mendapatkan maklum balas berkaitan proses penilaian pelajar.

## **5.1 Peranan**

- 5.1.1 Memastikan standard pemarkahan dan pentaksiran yang telah ditetapkan bagi program pengajian (penilaian terhadap kurikulum dan sukatan pembelajaran program, jika perlu) atau kursus (penilaian terhadap bahan pentaksiran dan hasil pentaksiran) .
- 5.1.2 Melaksanakan tanggungjawab memantau, menilai, serta mengkaji semula proses pentaksiran sesuatu kursus dalam program pengajian di UKM agar selari dan mencapai keperluan standard akademik yang ditetapkan oleh KPT, MQA dan badan akreditasi lain yang berkaitan dalam memastikan program pengajian relevan dengan keperluan industri dan amalan terbaik dari IPT lain yang bereputasi baik.
- 5.1.3 Menilai perubahan kurikulum mengikut *Body of Knowledge* (BOK).

## **5.2 Kriteria Lantikan**

- 5.2.1 Penilai Luar boleh dilantik dalam kalangan ahli akademik dari universiti terkemuka dalam atau luar negara yang diiktiraf kedudukan 300 ke atas dalam penarafan *QS World Ranking University* (QS WUR), memenuhi kriteria yang berikut:
  - (i) masih berkhidmat sepanjang tempoh lantikan;
  - (ii) mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam bidang pengajian, sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
  - (iii) mempunyai pengalaman dalam pentadbiran program pengajian;
  - (iv) mempunyai pengetahuan berkaitan pelaksanaan pendidikan berasaskan hasil (Outcome Based Education, OBE);
  - (v) tidak mempunyai kepentingan secara langsung dengan program pengajian di UKM (no conflict of interest); dan
  - (vi) bukan alumni UKM.
- 5.2.2 Bilangan pelantikan Penilai Luar bagi setiap program pengajian adalah sekurang-kurangnya seorang (1) sahaja. Bagi yang melantik lebih daripada seorang Penilai Luar, pihak universiti hanya akan membiayai

kos bayaran honorarium tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa.

### **5.3 Bidang Tugas**

Penilai Luar bertanggungjawab:

- (i) menyemak sampel kerja kursus, projek, kertas soalan dan kertas jawapan peperiksaan pelajar;
- (ii) menyemak pemarkahan yang telah diberikan kepada pelajar adalah bersesuaian;
- (iii) menyediakan laporan penilaian kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) sama ada program pengajian/kursus yang terlibat dijalankan mengikut atau tidak mengikut keperluan standard yang telah ditetapkan, dengan menggunakan Borang Laporan Penilai Luar Program Pengajian seperti pada **Lampiran F**; dan
- (iv) memberi cadangan/pandangan terhadap kurikulum program pengajian (jika perlu).

### **5.4 Proses Lantikan**

- 5.4.1 Fakulti/Institut/Pusat perlu mencadangkan nama Penilai Luar menggunakan Borang Cadangan Nama Penasihat/ Penilai Luar/Lembaga Penasihat (**Lampiran C**) dan Lampiran Biodata Ringkas Pencalonan Penasihat/ Penilai Luar/Lembaga Penasihat (**Lampiran D**) kepada Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM).
- 5.4.2 Cadangan nama Penilai Luar yang diperaku oleh Pengajaran-UKM akan dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) untuk tujuan kelulusan.
- 5.4.3 Tempoh lantikan Penilai Luar Program Pengajian adalah tiga (3) tahun.
- 5.4.4 Penilai Luar perlu membuat pengesahan penerimaan lantikan menggunakan Borang Penerimaan lantikan Penasihat Luar/Penilai Luar/Lembaga Penasihat seperti di **Lampiran E**.

5.4.5 Penilai Luar yang bersetuju menerima lantikan perlu menandatangani Akuan Kerahsiaan Lembaga Pengajian/Penasihat Luar/Penilai Luar/Lembaga Penasihat Program Pengajian seperti di **Lampiran A**.

5.4.6 Carta alir proses pelantikan adalah seperti di **Lampiran 3**.

## **6.0 PELANTIKAN LEMBAGA PENASIHAT FAKULTI/INSTITUT/PUSAT (FACULTY/INSTITUTE/CENTRE ADVISORY BOARD)**

### **6.1 Peranan**

Pelantikan Lembaga Penasihat adalah untuk mendapatkan maklum balas, perancangan strategik dan hal-hal lain berkaitan hala tuju. Fungsi Lembaga Penasihat bergantung kepada tujuan pembentukan dan pelantikan serta tertakluk kepada Fakulti/Institut/Pusat.

### **6.2 Kriteria Lantikan**

Lembaga Penasihat boleh dilantik berdasarkan kriteria yang berikut:

- (i) ahli akademik tersohor dari universiti terkemuka di dalam atau luar negara yang memegang jawatan pengurusan tertinggi; dan
- (ii) ahli industri tersohor yang memegang jawatan pengurusan tertinggi.

### **6.3 Bidang Tugas**

Lembaga Penasihat Fakulti/Institut/Pusat bertanggungjawab:

- (i) membantu membuat keputusan dan menentukan hala tuju dan memastikan berada pada landasan yang betul; dan
- (ii) menyediakan hubungan luar dan meningkatkan komunikasi antara dengan pihak berkepentingan (contohnya, kebolehpasaran graduan dan peluang penyelidikan).

### **6.4 Proses Lantikan**

6.4.1 Fakulti/Institut/Pusat perlu mencadangkan nama Ahli Lembaga Penasihat menggunakan Borang Cadangan Nama Penasihat/ Penilai Luar/Lembaga Penasihat (**Lampiran C**) dan Lampiran Biodata Ringkas Pencalonan Penasihat/ Penilai Luar/Lembaga Penasihat (**Lampiran D**)

kepada Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM).

- 6.4.2 Cadangan nama Ahli Lembaga Penasihat yang diperaku oleh Pengajaran-UKM akan dikemukakan kepada Naib Canselor untuk tujuan kelulusan.
- 6.4.3 Tempoh lantikan Ahli Lembaga Penasihat adalah tiga (3) tahun.
- 6.4.4 Ahli Lembaga Penasihat perlu membuat pengesahan penerimaan lantikan menggunakan Borang Penerimaan lantikan Penasihat Luar/ Penilai Luar/ Lembaga Penasihat seperti di **Lampiran E**.
- 6.4.5 Ahli Lembaga Penasihat yang bersetuju menerima lantikan perlu menandatangani Akuan Kerahsiaan Lembaga Pengajian/Penasihat Luar/Penilai Luar/Lembaga Penasihat Program Pengajian seperti di **Lampiran A**.
- 6.4.6 Ahli Lembaga Penasihat tidak boleh dilantik sebagai Penilai Luar/ Penasihat Luar bagi program pengajian.
- 6.4.7 Carta alir proses pelantikan adalah seperti di **Lampiran 4**.

## **6.5 Keahlian**

- 6.5.1 Jawatankuasa Lembaga Penasihat perlu terdiri daripada individu luar yang memegang jawatan tinggi dan dihormati dalam institusi pendidikan, industri atau organisasi dan mempunyai kelayakan, kepakaran dan/atau berpengalaman luas dalam bidang yang dilantik.
- 6.5.2 Keahlian Lembaga Penasihat adalah seperti berikut:

Pengerusi	: Dekan/Pengarah	
Setiausaha	: Pegawai Tadbir yang menguruskan program pengajian	
Ahli	: - wakil fakulti (sekurang-kurangnya dua (2) orang)	} minimum seorang
	- wakil akademik luar UKM bertaraf Profesor tersohor	
	- wakil industri tersohor	
	- wakil kerajaan tersohor	

## **7.0 PELAKSANAAN PROSES KERJA DI PERINGKAT FAKULTI/INSTITUT/PUSAT**

### **7.1 Penasihat Luar**

Fakulti/Institut/Pusat perlu menyediakan dokumen COPPA (Bidang 1 hingga 7) seperti maklumat OPP, HPP, struktur program, kemudahan PdP kepada penasihat luar untuk dinilai semasa proses pembangunan program pengajian baharu atau proses semakan program pengajian sedia ada.

### **7.2 Penilai Luar**

7.2.1 Fakulti/Institut/Pusat perlu menyediakan dokumen seperti maklumat sampel kertas soalan mengikut tahun pengajian, skema jawapan, soalan-soalan penilaian (jika berkaitan) dan proforma kursus berkaitan setiap semester kepada penilai luar untuk dinilai. Dicadangkan sekurang-kurangnya satu (1) sampel soalan penilaian dan skema pemarkahan bagi setiap tahun pengajian, sebelum minggu penghantaran draf akhir soalan ke Akademik-UKM.

7.2.2 Bagi penilai luar yang dilantik untuk melihat perubahan standard program, perlu menyediakan maklumat seperti struktur kurikulum, OPP, HPP dan *Body of Knowledge* (BOK).

### **7.3 Lembaga Penasihat Fakulti/Institut/Pusat**

Fakulti/Institut/Pusat perlu mengadakan Mesyuarat Ahli Lembaga Penasihat sekurang-kurangnya sekali setahun.

## **8.0 TINDAKAN SUSULAN TERHADAP LAPORAN LEMBAGA PENGAJIAN/PENASIHAT LUAR/PENILAI LUAR**

8.1 Maklum balas terhadap laporan daripada Lembaga Pengajian/Penasihat Luar/Penilai Luar merupakan keperluan COPPA MQA perkara 1.2.3 bidang 1 dan dibaca bersama-sama perkara 7.1.4 dalam bidang 7.

8.2 Pihak Fakulti/Institut/Pusat perlu mengambil tindakan berdasarkan laporan daripada Lembaga Pengajian/Penasihat Luar/Penilai Luar selewat-lewatnya dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh penerimaan laporan. Tindakan/penambahbaikan yang dibuat akan disemak semasa proses pengauditan oleh mana-mana pihak yang berkaitan.

- 8.3 Pemantauan terhadap tindakan perkara 8.2 perlu dilaksanakan oleh Penolong Dekan (Kualiti dan Strategi) atau Ketua Jaminan Kualiti (KJK).
- 8.4 Fakulti/Institut/Pusat perlu berkongsi maklum balas yang diperolehi daripada Lembaga Pengajian/Penasihat Luar/Penilai Luar kepada pihak berkepentingan sebagai makluman.

## **9.0 BAYARAN HONORARIUM**

- 9.1 Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 9/2022 pada 2 Ogos 2022 telah bersetuju menetapkan kadar bayaran honorarium kepada Penasihat Luar, Penilai Luar dan Lembaga Penasihat seperti dalam jadual yang berikut:

<b>LANTIKAN</b>	<b>TEMPOH LANTIKAN</b>	<b>KADAR BAYARAN/ TEMPOH LANTIKAN</b>
<b>PENASIHAT LUAR</b>	Tiga (3) tahun	RM1,200.00 atau USD300
<b>PENILAI LUAR</b>	Tiga (3) tahun	RM1,600.00 atau USD400
<b>LEMBAGA PENASIHAT FAKULTI/ INSTITUT/ PUSAT</b>	Tiga (3) tahun	RM1,800.00 atau USD450

- 9.2 Fakulti/Institut/Pusat perlu membuat permohonan kepada Jabatan Bendahari bagi mendapatkan peruntukan bayaran honorarium kepada Penasihat Luar, Penilai Luar dan Lembaga Penasihat dalam Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) setiap tahun.
- 9.3 Pembayaran honorarium boleh dibuat oleh Fakulti/Institut/Pusat masing-masing berdasarkan tugas yang telah dibuat oleh Penasihat Luar/Penilai Luar/Lembaga Penasihat, sekurang-kurangnya tiga (3) kali sepanjang tempoh lantikan.
- 9.4 Bagi tujuan pembayaran honorarium tersebut, Fakulti/Institut/Pusat perlu menyediakan dokumen arahan pembayaran kepada Jabatan Bendahari Zon Kewangan masing-masing dengan memastikan peruntukan mencukupi dan dokumen sokongan adalah lengkap.

## **10.0 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN**


- 10.1 Garis panduan ini hendaklah dibaca dan dirujuk bersama dengan pekeliling atau garis panduan KPT atau MQA yang sedang berkuat kuasa melainkan terdapat apa-apa pengecualian daripada mana-mana pihak yang terlibat.

- 10.2 Pemakaian garis panduan ini adalah tertakluk dari semasa ke semasa kepada perubahan yang dibuat oleh Pengajaran-UKM. Garis panduan ini tidak terpakai/terbatal sekiranya terdapat arahan/pekeliling baharu oleh pihak Pengajaran-UKM.


## **LAMPIRAN**

Lampiran 1	Carta Alir Proses Pelantikan Lembaga Pengajian
Lampiran 2	Carta Alir Proses Pelantikan Penasihat/Penilai Luar
Lampiran 3	Carta Alir Proses Pelantikan Lembaga Penasihat Fakulti/Institut/Pusat
Lampiran A	Akuan Kerahsiaan Lembaga Pengajian/Penasihat Luar/Penilai Luar/Lembaga Penasihat
Lampiran B	Borang Maklum Balas Penasihat Luar Program Pengajian
Lampiran C	Borang Cadangan Nama Penasihat/Penilai Luar/Lembaga Penasihat
Lampiran D	Biodata Ringkas Pencalonan Penasihat/Penilai Luar/Lembaga Penasihat
Lampiran E	Borang Penerimaan Pelantikan Penasihat/Penilai Luar/Lembaga Penasihat
Lampiran F	Borang Laporan Penilai Luar Program Pengajian

**CARTA ALIR PROSES PELANTIKAN LEMBAGA PENGAJIAN**



**CARTA ALIR  
PROSES PELANTIKAN PENASIHAT/PENILAI LUAR**



**CARTA ALIR  
PROSES PELANTIKAN LEMBAGA PENASIHAT FAKULTI/INSTITUT/PUSAT**

